



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / JP / 05 / 2010 / 7001-4

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Letters to Editor
Star

Put 'dead space' to good use

Kami merujuk kepada artikel tersebut oleh M.G.D, Medan Damansara bertarikh 8 Januari 2010 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Dakwaan bahawa terdapat 'barricade' (halangan) di lokasi yang dimaksudkan adalah benar. Ianya telah dipasang dengan tujuan untuk mengurangkan kejadian ragut yang kerap berlaku di kawasan tersebut. Keputusan meletakkan halangan tersebut dilakukan setelah pihak DBKL mendapat maklumbalas dan pandangan daripada persatuan penduduk dan pihak polis bagi mengurangkan laluan oleh peragut untuk melarikan diri.

Untuk makluman, keempat-empat laluan yang dimaksudkan oleh pengadu adalah lorong tepi kawasan perumahan. Oleh yang demikian cadangan pengadu untuk membuka halangan tersebut bagi memberi laluan dan ianya dijadikan tempat perniagaan gerai adalah tidak sesuai.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
21 Januari 2010
5 Safar 1431H